




**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 5 NOVEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	CUBAAN SELUDUP 450 EKOR BURUNG MURAI KE INDONESIA GAGAL. NEGERI JOHOR/MELAKA, SINAR HARIAN -24	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
2.	MURAI TEMPATAN BURUAN NEGARA JIRAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -33	
3.	NAFAS PEMBORONG TUNGGAL IBPS, NASIONAL, BERITA HARIAN -9	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**



Anggota PPM menunjukkan burung murai yang dirampas di Kota Tinggi kelmarin.

Cubaan seludup 450 ekor burung murai ke Indonesia gagal

KOTA TINGGI - Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Dua Penge- rang berjaya menggagalkan cubaan menyeludup keluar burung murai ke negara jiran di perairan Teluk Ramunia, Sungai Rengit, Penge- rang, dekat sini kelmarin.

Komander PPM Wilayah Dua, Asisten Komisioner Muhd Zailani Abdullah berkata, anggotanya me- lakukan rondaan Ops Benteng se- dalam melihat sebuah bot fiber dalam keadaan mencurigakan pada jam 11.45 malam.

“Bot ronda tersebut berjaya me- mintas dan menahan bot fiber ber- kenaan. PPM Wilayah Dua mena-

han seorang lelaki warga Indonesia berusia 61 tahun.

“Kita merampas 450 ekor bu- rung murai serta sebuah bot fiber dan sebuah enjin sangkut. Nilai keseluruhan rampasan berjumlah RM163,408,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, tangkapan dan rampasan dibawa ke Markas Tekni- kal PPM W2 Pengerang untuk sia- satan di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malay- sia 2013 (Maqis) dan Akta Imigre- sen 1959/63.

Menurutnya, burung murai dari Malaysia menjadi kegilaan dan bu-

ruan masyarakat negara jiran kera- na fizikalnya yang cantik dan ber- suara nyaring serta mampu mencecah ribuan ringgit di pasaran Indonesia.

“Burung jenis ini menjadi haiwan kawalan untuk dieksport mengikut peruntukan di bawah Akta Perkhid- matan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2013 (Maqis),” katanya.

Melalui Ops Benteng itu, beliau berkata, PPM Wilayah Dua menum- pukan sebarang pergerakan bot di laut bagi memastikan perairan ne- gara terkawal daripada aktiviti je- nayah rentas sempadan termasuk aktiviti penyeludupan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/11/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33



SEBANYAK 450 burung murai gagal diseludup ke negara jiran di kawasan perairan Teluk Ramunia, Sungai Rengit, Pengerang, Kota Tinggi, semalam.

Murai tempatan buruan negara jiran

KOTA TINGGI: Fizikal cantik dan mengeluarkan bunyi yang nyaring.

Itu menjadi punca burung murai tempatan sering diseludup ke negara jiran khususnya Indonesia selain nilainya mencecah ribuan ribu ringgit.

Komander Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Dua Pengerang, Asisten Komisioner Muhd. Zailani Abdullah berkata, perkara itu dikesan susulan penahanan lelaki warga Indonesia dalam Op Benteng Covid-19 dan menemukan 450 burung murai untuk diseludup ke negara jiran kelmarin.

Katanya, suspek berusia 61 tahun itu ditahan di kawasan perairan Teluk Ramunia, Sungai Rengit, Pengerang, Kota Tinggi.

“Operasi dilakukan anggota bot ronda dalam tugas Op Benteng Covid-19 yang memintas dan menahan bot fiber dinaiki suspek. Anggaran keseluruhan nilai rampasan berjumlah RM163,408,” katanya dalam kenyataannya di sini.

Muhd. Zailani menambah, menjadi kesalahan mengikut

peruntukan di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2013 dengan mengeksport burung murai yang tertakluk di bawah haiwan kawalan.

Beliau berkata, lelaki itu ditahan manakala rampasan dibawa ke Markas Tektikal PPM W2 Pengerang untuk proses siasatan lanjut.

“Kes disiasat di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2013 dan Akta Imigresen 1959/63,” katanya.

Katanya, menerusi Op Benteng Covid-19, PPM W2 menumpukan sebarang bentuk pergerakan bot di perairan negara bagi memastikan perairan terkawal daripada aktiviti jenayah rentas sempadan termasuk aktiviti-aktiviti penyeludupan.

Pihaknya turut meminta masyarakat bekerjasama menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa terutamanya PPM W2 bagi membanteras sebarang bentuk jenayah terutamanya melibatkan keselamatan dan ketenteraman awam jenayah maritim.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/11/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	9

Nafas pemborong tunggal IBPS

KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan melantik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) sebagai pemborong tunggal melalui program Insentif Benih Padi Sah (IBPS) dengan pembekalan diedarkan terus kepada pesawah.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, pelantikan Nafas tersebut antara inisiatif pihak kementerian yang akan dilaksanakan bermula tahun depan bagi menangani isu pengedaran benih padi sah.

Menurutnya, ia suatu kaedah penyelesaian terbaik dan bersepadu kerana Nafas mempunyai kecekapan rangkaian pengedaran benih padi sah melibatkan 148 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di Semenanjung.

“Pada masa sama, Nafas akan memberi ruang kepada ejen, individu atau syarikat sedia ada yang berdaftar dengan pihak kementerian untuk mengedarkan benih padi.

“Nafas juga mempunyai sumber kewangan yang kukuh serta kemampuan dan pengalaman dalam pengedaran Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) di seluruh negara.

“Pelantikan Nafas juga membolehkan penetapan harga siling benih padi sah dilaksanakan tanpa melibatkan tambahan peruntukan insentif, sekaligus mengelak manipulasi benih padi sah dan harga di lapangan me-

Pelantikan Nafas juga membolehkan penetapan harga siling benih padi sah dilaksanakan tanpa melibatkan tambahan peruntukan insentif, sekaligus mengelak manipulasi benih padi sah dan harga di lapangan menerusi pembelian tanpa kawalan.”

nerusi pembelian tanpa kawalan,” katanya.

Beliau berkata demikian di Dewan Rakyat ketika menjawab soalan lisan Datuk Seri Mahdzir Khalid (Padang Terap-UMNO).

Mengulas lanjut katanya, antara inisiatif lain ialah pemberian lesen dan permit kepada ejen, individu atau syarikat yang berdaftar dengan kerajaan untuk mengedarkan benih padi sah.

Selain itu ujaranya, penetapan beberapa varieti benih padi yang akan dihasilkan oleh syarikat pengeluar benih padi sah untuk dipilih oleh pesawah serta menyediakan stok penimbun bagi menangani isu krisis seumpama itu.